

KRITERIA – KRITERIA PENYERTAAN MENGIKUT KATEGORI **ANUGERAH HIJAU NEGERI MELAKA 2022**

Berikut merupakan kriteria – kriteria penyertaan Anugerah Hijau Negeri Melaka 2022 mengikut kategori yang dipertandingkan.

1) **Kategori Pembudayaan Hijau**

Kriteria I : Pembudayaan Hijau merupakan aktiviti yang memelihara alam sekitar seperti mengurangkan pencemaran, mengurangkan pembaziran tenaga dan sumber serta mengamalkan budaya kitar semula bahan - bahan terpakai.

Kriteria II : Pembudayaan hijau ini dilaksanakan secara menyeluruh di institusi atau agensi masing – masing dimana pelaksanaannya adalah secara berterusan dan melibatkan semua lapisan kakitangan.

Kriteria III : Pembudayaan dan amalan hijau di tempat kerja meliputi elemen - elemen seperti berikut:

- **Kesedaran Amalan Hijau**
- **Pengurusan Tenaga**
- **Pencahayaan dan Pengudaraan**
- **Kitar Semula**
- **Perkhidmatan Makanan dan Pengangkutan Hijau**

2) **Kategori Projek Hijau**

Kriteria I : Penyertaan terbuka kepada semua sektor industri dan perkhidmatan yang melibatkan kajian, aplikasi dan penggunaan teknologi hijau sebagai teras projek yang dilaksanakan.

Kriteria II : Projek yang dilaksanakan adalah di sekitar negeri Melaka dan memberi impak positif kepada alam sekitar.

Kriteria III : Projek yang dipertandingkan merupakan projek yang telah siap dalam lingkungan tahun **Ogos 2019 – Julai 2022** yang merangkumi sektor - sektor seperti berikut:

- Sektor Tenaga
- Sektor Bangunan
- Sektor Air dan Pengurusan Sisa
- Sektor Pengangkutan

3) **Kategori Inovasi Hijau**

Kriteria I : Penghasilan ciptaan baru atau penambakan kepada sesuatu produk, perkhidmatan, proses kerja, sistem, alat unik yang lebih efektif dan mesra alam.

4) **Kategori Program Komuniti Hijau**

Kriteria I : Program yang dipertandingkan bermula pada tahun **Ogos 2019 – Julai 2022** dan dilaksanakan di dalam negeri Melaka.

Kriteria II : Program adalah bertujuan untuk mengaplikasikan dan memperkenalkan teknologi hijau di negeri Melaka.

Kriteria III : Program melibatkan **komuniti / syarikat** yang melakukan aktiviti hijau di kawasan masing-masing.

Kriteria IV : Program melibatkan **agensi / syarikat** yang melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) atau komuniti kepada masyarakat.